

**Wartawan Terbilang Pada Tahun 1980an:  
Saodah Ismail**

Nurul Hidayah Roslan  
Nur Farhana Osman  
Mohd Nazir Ahmad  
Ahmad Zam Hariro Samsudin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU 10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam  
Selangor

*Abstrak*

*Artikel ini berdasarkan kepada sumber utama iaitu sumber lisan. Artikel ini membicarakan tentang perjalanan dan pengalaman seorang wartawan hiburan di Malaysia dalam bidang kewartawanan dan nama beliau masih lagi dikenali sehingga ke hari ini. Banyak perkara yang dikongsikan dalam artikel ini iaitu Saodah Binti Ismail atau lebih dikenali dengan panggilan Kak Odah. Antaranya, mengenai kisah latar belakang, penglibatan dalam kewartawanan di Malaysia dan pencapaian dan anugerah yang dicapai oleh Puan Saodah Ismail. Kini, beliau merupakan seorang wartawan dan seorang penulis buku sepenuh masa.*

*Kata kunci: Saodah Ismail, Wartawan, Berita Harian, Sudirman Yang Ku Kenali, Majalah Penghibur*

**Pengenalan**

Wartawan Saodah Ismail boleh menjadi seorang tokoh yang boleh diinspirasi oleh masyarakat dalam bidang wartawan dan penulisan. Beliau bukan sahaja menyumbang hasil karya penulisan beliau di Malaysia bahkan keluar negara seperti Singapura. Ramai yang meminati hasil karya beliau sehingga beliau telah menulis sebuah buku yang bertajuk "Sudirman yang Ku Kenali" dan masih dikenali oleh orang ramai sehingga ke hari ini. Telefon bimbit, komputer dan internet selalu digunakan sebagai platform baru untuk

menulis dan meyebarkan maklumat serta membuka peluang baru untuk berkomunikasi dengan lebih pantas dan efisien pada masa sekarang.

Saadah Ismail (2019), berpendapat bahawa seorang wartawan bukan hanya menulis, malah perlu memikirkan kreativiti untuk menarik minat pembaca untuk membaca sesuatu hasil tulisan. Saadah Ismail sendiri mengakui bahawa beliau juga bersusah payah untuk menulis dan menghasilkan karya tanpa memiliki bakat yang mendalam. Agak sukar bagi seseorang itu menceburkan diri dalam bidang kewartawanan kerana kerjaya ini memerlukan seseorang itu menulis dan mengarang berita dan rencana dengan baik dan mudah untuk difahami. Mereka juga perlu menemu ramah sesiapa sahaja yang diperlukan sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Sebagai wartawan, setiap hari mereka akan diberi tugas membuat liputan peristiwa atau menemuramah individu tertentu. Selepas itu, mereka akan kembali ke bilik berita untuk menulis berita atau rencana berhubung temu bual yang telah dijalankan.

### **Latar belakang Saadah Ismail**

Saadah binti Ismail merupakan seorang anak jati Melaka yang dilahirkan pada 2 Februari 1960 pada pukul dua setengah petang di Masjid Tanah, Melaka. Beliau dibesarkan di Singapura setelah bapanya berpindah atas alasan tempat kerja. Beliau memiliki lima orang adik beradik yang terdiri daripada dua orang lelaki dan tiga orang perempuan dan Saadah Ismail merupakan anak bongsu dalam keluarga ini. Kemudian, selepas kematian ibunya, ayahnya berkahwin lagi dan mempunyai empat adik beradik tiri dan kesemuanya adalah lelaki.

Setelah bekerja sebagai wartawan dan penulis, Saadah Ismail berkahwin bersama suami tercinta iaitu Ayatullah Helme Mohd Hanafi pada tahun 2004 di Masjid Tanah, Melaka ketika beliau berumur 44 tahun. Mereka dikurniakan seorang cahaya mata yang bernama Mukhriz Helme yang berumur 11 tahun dan bersekolah di tempat yang berdekatan dengan rumahnya.

### **Pendidikan**

Saodah Ismail mendapat pendidikan awal di Clementy Primary School, Singapura pada tahun 1966 daripada darjah satu sehingga darjah enam. Kemudian mendapat pendidikan di peringkat menengah di sekolah Keppel School dan kemudian beliau berpindah ke Monks Hill Secondary School daripada tingkatan satu sehingga tingkatan dua sahaja. Ini kerana beliau bercadang untuk menduduki Lower Certificate of Education (LCE) atau kini lebih dikenali dengan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) di Malaysia. Sejurus itu, beliau bersama keluarga berpindah ke Malaysia dan bersekolah di Sekolah Menengah Masjid Tanah di Melaka sehingga tingkatan lima pada tahun 1977 dan meneruskan pelajaran keperingkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan jurusan Sastera di Sekolah Menengah Masjid Tanah, Melaka. Bermula di sekolah menengah lagi beliau banyak mencerburkan diri dalam persatuan serta pertandingan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan penulisan.

Selepas menamatkan persekolahan, beliau memasuki kelas tambahan penulisan yang berhampiran di rumah beliau. Menurut Saodah Ismail (2019), minat beliau terhadap penulisan tidak bermula dari sekolah, akan tetapi bermula dari tempat kerjanya, katanya "Ini adalah macam orang yang kahwin tanpa cinta tetapi dia kahwin dan selepas berkahwin baru dia mengenali cinta. Macam itu lah akak ini". Saodah Ismail (2019) ingin meneruskan lagi pelajaran beliau ketika sudah bekerja dan mencipta nama di Berita Harian tetapi beliau dilarang oleh majikannya iaitu A Kadir Jasin kerana A Kadir Jasin merasakan di Berita Harian adalah tempat untuk belajar dan bukannya di universiti, lalu Saodah Ismail tidak meneruskan pengajiannya.

### **Penglibatan awal dalam kerjaya**

Pada mulanya, Saodah Ismail hanya memohon perkerjaan kosong yang diiklankan di surat khabar yang ditawarkan sebagai wartawan untuk Majalah Jaguh dan Majalah Penghibur pada tahun 1980, setelah beliau menamatkan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) iaitu ketika berumur 20 tahun. Ketika beliau mendapat temuduga bagi perkerjaan tersebut. Beliau diminta untuk menulis dan penulisan beliau mengandungi unsur yang serius dan lucu yang lebih sesuai untuk menjadi seorang wartawan hiburan dan ditemuduga oleh Adibah Amin (Ketua Wartawan tahun 1980an juga.)

Saadah Ismail (2019), tidak terus menjadi seorang wartawan hiburan tetapi bermula dari bawah seperti membuat semakan ejaan, terjemahan, cerita-cerita pendek dan banyak lagi di Majalah Penghibur. Di sini beliau bekerja selama dua tahun. Kemudian, beliau diserap masuk ke akhbar Berita Harian, bekerja bahagian wartawan hiburan kerana beliau sudah ada pengalaman di dalam bidang tersebut. Semasa berkerja di Berita Harian beliau sering menemani wartawan lain bagi menemuduga artis-artis terkenal di Malaysia. Bukan sahaja tentang artis bahkan tentang filem, drama dan banyak lagi yang berkenaan dengan dunia hiburan. Kemudian, daripada situ lah beliau belajar sedikit demi sedikit untuk menemuramah artis di Malaysia dengan betul serta menyesuaikan diri di dalam persekitran tersebut. Selain itu, ketika beliau bekerja di Majalah Penghibur dan di Berita Harian, para wartawan yang baru sahaja bekerja di situ disediakan kelas bahasa dan penulisan bagi melatih mereka untuk menulis dengan lebih baik bagi menarik minat pembaca.

Menurut Saadah Ismail (2019), tugas pertama beliau adalah menemuramah hero filem "Adik Manja" iaitu Dharma Harun Al Rashid merupakan seorang artis yang popular pada tahun 1981 di Malaysia. Beliau merasakan sangat gemuruh ketika melakukan tugas yang pertama kerana beliau masih lagi baru di dalam bidang tersebut, akan tetapi pengalaman telah melahirkan minat yang mendalam terhadap penulisan dalam bidang kewartawanan. Saadah Ismail juga sering menghasilkan artikel atau penulisan yang tulus dari hati dan bersifat jujur yang membuatkan ramai pembaca suka akan penulisan beliau. Malah penulisan beliau mampu untuk menarik pembaca surat khabar Berita Harian pada masa itu serta gelagat beliau dalam menemuramah artis-artis di Malaysia. Oleh sebab itu, beliau merupakan seorang wartawan hiburan yang popular pada tahun 1980-an.

### **Pengalaman dalam kerjaya**

Saadah Ismail (2019) bekerja di Majalah Penghibur sebelum beliau berkhidmat di Berita Harian sebagai seorang penulis artikel di akhbar tempatan malangya, Majalah Penghibur bankrap kerana tidak dapat bersaing dengan syarikat penerbitan yang lain dan pekerjaanya diserap masuk ke akhbar Berita Harian dan ditempatkan sebagai wartawan hiburan atau dikenali sebagai wartawan kadet termasuklah Saadah Ismail.

Kemudian, di akhbar Berita Harian, Saodah Ismail juga berpengalaman menemubual beberapa orang artis terkenal semasa bekerja di akhbar Berita Harian termasuklah M.Nasir, KRU, Tan Sri Mohamed Zain Samsuddin atau lebih dikenali dengan Jins Shamsuddin dan ramai lagi yang popular pada tahun 1980-an. Keharmonian suasana pekerjaan di Berita Harian juga membantu Saodah Ismail untuk lebih senang bekerjasama dan berkongsi idea bersama rakan sekerjanya seperti A. Samad Said, Adibah Amin, A Kadir Jasin, Abdul Jalil Salleh atau lebih dikenali dengan 'Mama Juwie' yang banyak membantu beliau dalam mengarang dengan lebih baik sehingga beliau menempah nama di dalam bidang kewartawanan di Malaysia.

Selain itu, beliau juga berpeluang untuk membuat liputan tentang Festival Filem Malaysia di Taiwan, Asia Pacific Filem Festival di Taiwan, Pratonton 'You Only Live Twice' di Tokyo dan banyak lagi. Dalam menghasilkan penulisan yang menarik dan terbaik, beliau sering berkarya dengan keunikkan yang tersendiri seperti keberanian beliau untuk berjumpa bersama pengurus festival antabangsa walaupun beliau memerlukan bantuan jurubahasa. Walaubagaimanapun, beliau tetap berusaha dan tekun bagi menyempurnakan pekerjaan beliau untuk mendapatkan info yang menarik dan terkini untuk pembaca tempatan. Saodah Ismail juga merupakan salah seorang perintis dari kumpulan yang bersama-sama menghasilkan Harian Metro yang masih lagi dibaca pada hari ini serta menyandang jawatan sebagai Pengarah Hiburan.

Setelah limabelas tahun bekerja di akhbar Berita Harian, Saodah Ismail ditawarkan untuk bekerja di stesen penyiaran iaitu ASTRO sebagai Senior Program Development oleh salah seorang pengarah di ASTRO iaitu Suhaimi Baba. Akan tetapi, tawaran tersebut diterima setelah kerap kali ditawarkan ketika beliau menganjurkan 'Anugerah Bintang Popular' yang dianjurkan oleh akhbar Berita Harian pada setiap tahun dan bekerjasama dengan pihak stesen televisyen yang lain seperti TV3 dan ASTRO. Beliau menerima tawaran tersebut kerana beliau ingin mencuba dan mencabar diri dalam penulisan penyiaran televisyen dan ingin mencuba sesuatu yang baru bagi meningkatkan penulisan beliau. Setelah menerima tawaran tersebut, beliau diserap masuk di bawah produksi sebagai Senior Writer iaitu penulis skrip untuk program kanak-kanak dan banyak lagi yang disiarkan di ASTRO seperti Roda Impian pada tahun 2002 serta dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penyiaran.

Setelah enam tahun bekerja di ASTRO, Saodah Ismail merasakan beliau tidak gembira seperti mana beliau bekerja di akhbar Berita Harian atas alasan

beliau tidak dapat menghasilkan karya yang beliau ingin suarakan dari lubuk hati akan tetapi terpaksa menulis skrip penyiaran yang terikat dengan kriteria dan prosedur yang ketat serta berpendapat bahawa beliau tidak sesuai untuk bekerja di bidang penyiaran stesen televisyen kerana beliau lebih gemar untuk bebas menulis. Oleh itu, beliau membuat keputusan untuk berhenti dan melakukan kerja sampingan seperti menulis di ruangan akhbar Berita Harian Singapura pada setiap hari Ahad dan beliau tidak terikat dengan mana-mana organisasi.

Sepanjang Saodah Ismail berada dalam bidang hiburan, karakter Saodah Ismail pernah diadaptasikan ke dalam sebuah Telefilem Melayu iaitu 'Pengantin Popular' yang dibintangi oleh Raja Azura. Melalui drama ini, Saodah Ismail menerangkan bahawa kerjaya seorang wartawan hiburan memang glamor dengan karakternya yang periang dan peramah dengan artis atau pihak yang terlibat. Namun, karakter 'Wartawan Odah' itu juga telah menaikkan nama beliau sepanjang kerjaya beliau selama tigapuluhsembilan tahun sebagai wartawan hiburan mahupun penulis di Malaysia.

Tambahan pula, Saodah Ismail merupakan salah seorang teman rapat kepada penghibur dan penyanyi yang masyhur di Malaysia iaitu Allahyarham Sudirman Haji Arshad. Semasa konsert Sudirman yang tersohor sekitar tahun 90-an yang diadakan di Chow Kit, Kuala Lumpur, pelbagai kenangan manis bersama Saodah Ismail seperti membantu Allahyarham Sudirman di belakang tabir dan Saodah Ismail berpeluang untuk bersama-sama secara eksklusif sebelum Allahyarham Sudirman membuat persembahan. Saodah Ismail amat kagum dengan kesungguhan Allahyarham Sudirman dalam menjadi seorang penghibur di Malaysia yang bermula dari bawah sehingga beliau menjadi seorang yang ternama di persada tempatan dan antarabangsa. Disebabkan oleh itu, Saodah Ismail menginspirasi Allahyarham Sudirman dengan menerbitkan buku tentang pendapat beliau terhadap Allahyarham Sudirman dan disambut baik oleh masyarakat Malaysia.

### **Pencapaian**

Saodah Ismail telah banyak mengeluarkan titik peluh beliau dalam menaikkan nama Berita Harian di Malaysia melalui bahagian wartawan hiburan. Antaranya adalah beliau merupakan salah seorang dari kumpulan yang menghasilkan Harian Metro yang masih lagi dibaca atau diguna pakai

oleh masyarakat Malaysia sehingga ke hari ini. Beliau juga menerima anugerah Pengkritik Filem oleh Berita Harian ketika beliau bekerja sebagai wartawan hiburan di Berita Harian. Selain itu, beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Hiburan di Berita Harian, Pengarah Pengarang di ASTRO sebelum beliau membuat keputusan untuk berhenti bekerja dari syarikat penerbitan di Malaysia.

Pada tahun 2019, Saodah Ismail telah melancarkan buku yang bertajuk “Sudirman Yang Ku Kenali” yang ditulis oleh beliau sendiri tentang pendapat beliau terhadap Allahyarham Datuk Sudirman Haji Arshad dengan membuat rujukan kepada beberapa teman rapat Allahyarham Sudirman seperti Habsah Hassan, Intan Zaibidin, Dharanee Dharan Kannan, Norisah Sulaiman dan Dr Syed Iskandar Syed Jaafar. Pelancaran buku tersebut telah disempurnakan oleh Sasterawan Negara iaitu Datuk Seri A Samad Said. Beliau juga menulis di ruangan akhbar Berita Harian di Singapura.

Beliau juga telah mempunyai syarikat penerbitan sendiri bersama suami beliau iaitu Helme Hanafi, merupakan seorang penulis politik serta beberapa rakan yang lain. Syarikat penerbitan beliau dikenali sebagai KhutubKata yang ditubuhkan pada Oktober 2019. Selain dari menerbitkan buku, syarikat penerbitan ini menyediakan khidmat nasihat bagi memudahkan orang ramai untuk menerbitkan dan memasarkan buku sendiri dan telah menubuhkan syarikat kedua iaitu KhutubKata.com merupakan pustaka buku atas talian.

### **Nasihat dan Sokongan**

Puan Saodah ternyata memiliki kemahiran penulisan yang bagus hasil daripada pengalaman di Malaysia dan juga Singapura. Beliau banyak merantau dan malah pergi ke satu tempat untuk mencari maklumat dan mewawancarakan artis atau individu dalam dunia hiburan di Malaysia dan antarabangsa. Menariknya, walaupun Puan Saodah sudah berhenti sebagai seorang Pengarah Pengarang di ASTRO, beliau telah menerbitkan buku yang dikarang oleh beliau sendiri dengan himpunan pengalaman sesuatu yang berada di luar berita rasmi yang dilaporkan di media. Justeru, kisah seperti pengalaman Allahyarham Sudirman Haji Arshad yang menjadi pujaan hati peminat beliau terubat setelah buku “Sudirman yang Ku Kenali” diterbitkan oleh Saodah Ismail pada tahun 2019. Menurut Saodah Ismail seseorang yang

ingin menceburi bidang ini mestilah yakin dengan hasil tulisan dan karangan yang ditulis sehingga dizahirkan di hati pembaca.

Saodah Ismail (2019) berpendapat kerjaya sebagai wartawan banyak saingan dan cabaran contohnya berkawan rapat sesama wartawan untuk mendapatkan sumber maklumat. Menurut beliau lagi, mereka lebih berkongsi sumber malah bertukar pendapat dan maklumat yang sama bagi mendapatkan keharmonian kerja itu sendiri.

Sebagai wartawan kita boleh menulis tentang apa sahaja kerana bidang ini istimewa dan boleh memberi peluang untuk mengenali seseorang, mengenali kehidupan ini, dan melihat lebih dalam lagi terhadap setiap individu. Malah, setiap karakter berbeza antara satu sama lain dan bukan semua orang mampu untuk menjadi wartawan yang bagus dan mencipta nama di Malaysia. Pelbagai halangan dan cabaran untuk mendapatkan sumber maklumat yang tepat pada zaman 80an berbanding sekarang kerana teknologi telah menjadi saingan utama bagi pengguna di Malaysia mahupun Singapura. Saodah Ismail juga mengharapkan anak muda sekarang mengemari bidang penulisan mahupun hanya menulis di internet seperti blog malah mencuba menjadi seorang pembaca yang menggemari bidang penulisan yang boleh meningkatkan minat dan ilmu seseorang. Bukan senang untuk menulis, namun bak kata pepatah belum cuba belum tahu. Pelbagai kisah suka duka Saodah telah dikongsikan yang boleh dijadikan manfaat untuk diri sendiri mahupun masyarakat luar.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, Puan Saodah menempa nama sebagai seorang wartawan pada tahun 1980an ini mempunyai keunikan dan cabaran tersendiri semasa beliau menyumbang dan berkhidmat di Malaysia mahupun Singapura. Berdasarkan pengalaman Puan Saodah Ismail keberanian, ketekunan, kerajinan, menyahut cabaran dalam menulis artikel dan menghasilkan karya penulisan menjadi contoh tokoh terbaik penulisan dan semangat dikalangan penulis di Malaysia dan Singapura.

Akhirnya, dorongan hasil penulisan ini dapat menggalakkan remaja mahupun masyarakat meminati bidang kesusasteraan ini sendiri. Bukan senang untuk menghasilkan karya penulisan yang bagus sekiranya individu tersebut tidak berani atau tidak mahu mengasah bakat tersendiri. Ramai tokoh di Malaysia



dalam bidang penulisan telah menghasilkan hasil penulisan yang terbaik dan menarik yang mampu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan masyarakat di luar sana.

### **Bibliografi**

Administrator. (n.d.). Jurnal sejarah lisan malaysia. Diambil dari <https://jslim.uitm.edu.my/index/php/jurnalalterbit>

Kenyataan media: Pelancaran buku Sudirman yang ku kenali. (2019, Februari 21). Diambil dari <https://khutubkata.com/ulasan/pelancaran-buku-sudirman-yang-ku-kenali/>

Mengenai KhutubKata. (2019, Februari 21). Diambil semula Jun 10, 2019, dari <https://khutubkata.com/ulasan/mengenai-khutubkata/>

Nurul Hidayah Roslan dan Nur Farhana Osman. (2019, April 9). Personal Interview.

Wartawan Bernama kongsi pengalaman kunjungi rumah suspek...(1970, Januari 01). Diambil semula <http://bernamaians.blogspot.com/2017/02/wartawan-bernama-kongsi-pengalaman.html>